



Buletin Mutiara added 3 new photos.

5 hrs · Penang, Malaysia · 

PULAU PINANG BERSEDIA UNTUK MENGAMBIL ALIH SEMULA EMPANGAN MENGKUANG, DENGAN SYARAT-SYARAT TERTENTU - JASENI

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) bersedia untuk mengambil alih semula Empangan Mengkuang daripada Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) setelah ia diperbesarkan kini, ujar Dato' Ir. Jaseni Maidinsa.

Walau bagaimanapun, Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP tersebut berkata, pengambilalihan semula tersebut tertakluk kepada syarat-syarat tertentu yang telah dimaklumkan melalui sepucuk surat kepada kementerian berkenaan pada 7 Februari lalu.

Jelasnya, KeTTHA perlu mematuhi syarat-syarat tersebut terlebih dahulu sebelum ia menyerahkan Empangan Mengkuang dan Rumah Pam Mak Sulong yang baru dinaik taraf kepada PBAPP.

“Untuk makluman, komponen satu dan dua iaitu pembesaran empangan dan menaik taraf Rumah Pam Mak Sulong yang baharu telah selesai.

“Kini, hanya komponen tiga sahaja belum selesai iaitu menyiapkan projek saluran paip air mentah yang pada asalnya bernilai RM100 juta dari Rumah Pam Mak Sulong di Seberang Perai Utara (SPU) ke Terusan Sungai Dua sepanjang 6.85 kilometer (km), dan ia dijangka siap menjelang Mac Tahun 2020,” ujarnya pada sidang media di Komtar sebentar tadi.

Hadir sama, Ketua Pegawai Operasi PBAPP, Ir. Chong Meng Choon, Ir. Mohd. Jasni Abdullah (Ketua Bahagian Fasiliti), Ir. Jamil Mohd. Noor (Pengurus Perancang & Pembangunan), Mariam Abd. Kadir (Ketua Bahagian Operasi) dan Teo Kah Cheong (Ketua Bahagian Sumber Manusia) yang juga merupakan pasukan yang akan mengetuai pengambilalihan dan pengurusan Empangan Mengkuang kelak.

Empangan Mengkuang yang baru diperbesarkan tersebut mampu menampung sehingga 73.5 bilion kapasiti air dengan kos kira-kira RM1 bilion yang ditanggung sepenuhnya oleh KeTTHA.

Difahamkan, sehingga kelmarin (21 Mac 2018), empangan tersebut mempunyai kapasiti kira-kira 24.2 peratus dan jangkauan ia akan penuh adalah dalam jangka masa dua tahun lagi.

Mengulas lanjut, Jaseni menyatakan bahawa antara syarat lain yang perlu dipenuhi KeTTHA ialah membaiki semula 23 cerun di tapak empangan yang telah runtuh dalam tempoh September hingga November tahun lalu.

“KeTTHA perlu mengambil langkah-langkah membaik-pulih cerun di sepanjang perimeter 11 kilometer (km) di sekitar empangan dan rumput di bahu empangan yang mana kos ini akan ditanggung mereka.

“Bagaimanapun, kawasan empangan ini perlu ditutup kepada orang awam semasa kerja-kerja membaik-pulih dijalankan untuk tujuan keselamatan,” ujarnya sambil memaklumkan bahawa

Empangan Mengkuang mencatatkan kehadiran 5,000 pengunjung setiap hujung minggu yang lazimnya menjadikan kawasan tersebut sebagai lokasi berjoging dan beriadah.

Justeru, Jaseni menzahirkan harapan agar pengambilalihan tersebut dapat disegerakan memandangkan pihaknya (PBAPP) perlu membuat persediaan sebelum tibanya musim hujan pada penghujung Ogos nanti.

“Projek ini adalah salah satu daripada rancangan strategik PBAPP untuk pastikan polisi Kerajaan Negeri tanpa catuan air dapat dilaksanakan dan memastikan bekalan air untuk negeri Pulau Pinang selepas tahun 2020 adalah mencukupi

“Diharap proses mengambil alih dapat dipercepatkan memandangkan kita (PBAPP) perlu membuat persediaan menggunakan Rumah Pam Mak Sulong untuk mengepam jumlah air hujan banyak yang turun sekitar Ogos nanti...bukan sahaja dapat kutip air hujan, sekaligus mengurangkan impak banjir,” jelasnya.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : ADLEENA RAHAYU AHMAD RADZI

